

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 05 Tahun 2015

TAWARAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT STAF PENTADBIRAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL SECARA JEMPUTAN

TUJUAN

1. Tawaran Iklan Kenaikan Pangkat Secara Jemputan ini bertujuan untuk mempelawa Staf Pentadbiran Kumpulan Pengurusan & Profesional Universiti Teknologi MARA yang memenuhi syarat-syarat kelayakan dan sedang berkhidmat untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan.

LATAR BELAKANG

2. Setiap Skim Perkhidmatan ada menyatakan dengan jelas syarat-syarat kenaikan pangkat. Seseorang staf yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat seperti yang diiklankan perlu memenuhi syarat-syarat umum seperti berikut:

- i) Disahkan ke dalam perkhidmatan;
- ii) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- iii) Diperaku oleh Ketua Perkhidmatan/Jabatan.
- iv) Bebas dari hukuman tatatertib/jenayah;
- v) Telah menandatangani Surat Aku Janji; dan
- vi) Telah mengisytiharkan harta.
- vii) Telah memenuhi empat puluh dua (42) jam latihan untuk tempoh satu (1) tahun kebelakang.

3. Jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kumpulan Pengurusan dan Profesional:

Bil	Jawatan Kanan	Gred	Jumlah Kekosongan dan Penempatan
1.	Pegawai Kewangan	VU7	Terbuka (1)

1. i) *Jawatan* : **Pegawai Kewangan**
- ii) *Gred Jawatan* : **VU7**
- iii) *Kekosongan* : **1**
- iv) *Syarat Kelayakan* :

Pegawai Kewangan Gred W54 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kewangan Gred VU7 yang kosong apabila telah:

- a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- b) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- v) *Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)* : *Gred Gaji VU7*

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM7,1889.63	RM14,587.54	9%

PELAKSANAAN

4. Tatacara permohonan adalah seperti berikut:

- i) Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui **Sistem e-Kenaikan Pangkat** dengan melayari laman web UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.

- ii) Pemohonan bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional hendaklah mengemukakan dokumen berikut sebelum tarikh tutup permohonan ke alamat di bawah :

Urusetia Jawatankuasa Kenaikan Pangkat
d/a Timbalan Pendaftar
Bahagian Kemajuan & Peningkatan Kerjaya
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Bil	Dokumen/Perkara	Jumlah Salinan Yang Diperlukan
1.	Folio Peribadi yang lengkap (<i>Boleh dimuat turun melalui sistem e-Kenaikan Pangkat</i>).	1 salinan
2.	Salinan sijil akademik terkini (<i>jika ada</i>) yang telah disahkan benar daripada salinan asal.	1 salinan

*Nota : Salinan sijil-sijil penghargaan/ latihan/ lantikan Jawatankuasa/ lain-lain berkaitan **TIDAK** perlu disertakan. Salinan asal sijil-sijil tersebut boleh dibawa semasa temuduga.*

- iii) Permohonan yang tidak lengkap adalah dianggap tidak memenuhi syarat dan akan ditolak serta-merta.
- iv) Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- v) Pemohon akan dipanggil untuk sesi temu bual sebelum perakuan oleh Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan dan keputusan Lembaga Pengarah Universiti.
- vi) **Tarikh tutup permohonan** adalah pada **31 Disember 2015**. Permohonan yang diterima selepas tarikh ini tidak akan diproses.

TARIKH DIKELUARKAN

5. Pekeliling dikeluarkan pada **18 Disember 2015**.

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling ini berkuatkuasa pada **18 Disember 2015**



TAN SRI DATO' SRI PROF. IR. DR. SAHOL HAMID ABU BAKAR, FASc
Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil Fail : 100-BPD (BKPK.6/2)
No. Siri : 100-UiTM (NC/05/2015)*